SAMPEL PERCUMA

Soalan PPT Bahasa Melayu Tahun 4 + Skema

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 4

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 4 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAHAGIAN A
[20 *markah*]

Soalan 1 hingga 9
Isi tempat kosong dengan jawapan yang ***paling sesuai****.*

1. Farisha membentangkan _____ tikar di bawah pokok manga yang sedang berbuah lebat.

   A. sebidang
   B. sebuah
   C. sehelai
   D. segulung

2. Daniel Zairy membeli sehelai seluar sukan yang baharu _____ 32 ukuran pinggang.

   A. bersaiz
   B. saiz
   C. harga
   D. berharga


3. "Suhu di bandar Osaka, Jepun boleh mencecah sehingga -15 _____ celcius," jelas Cikgu Ridzuan kepada anak didiknya.

   A. panas
   B. darjah
   C. peratus
   D. sejuk

4. Para penduduk boleh mendapatkan keterangan _____ melalui ketua kampung tentang perkara tersebut.

   A. lama
   B. lampau
   C. lalu
   D. lanjut

Soalan 5 *berdasarkan gambar di bawah*.



5. Selepas menunaikan solat sunat Aidilfitri, _____ sekeluarga telah mengunjungi sanak saudara di kampung. Kunjungan kami telah disambut dengan mesra _____ pak cik dan mak cik.

   A. saya … keluarga
   B. kita … oleh
   C. kami … oleh
   D. saya … oleh

6. "Ibu, _____ cara membuat kuih karipap?" tanya Aishah kepada ibunya.

A. mengapa
B. siapakah
C. adakah
D. bagaimana

7. Sarimah belajar _____ sarung ketupat palas bersama nenek dua hari sebelum menyambut perayaan Aidilfitri.

A. meraut
B. menganyam
C. memasak
D. membuat

Soalan 8 *berdasarkan gambar di bawah.*



8. Antara berikut, manakah kata perintah yang paling sesuai untuk gambar di atas?

A. Tolong senyap!
B. Jangan berlari di dalam kelas!
C. Ayuh, kita bermain!
D. Tolong beratur dengan lurus!

9. "Mengapakah kamu sering datang lewat ke sekolah?" tanya Zamani kepada Awie.

Sebagai seorang pembimbing rakan sebaya, apakah tindakan kamu?

A. Buat tidak tahu
B. Memarahi
C. Menasihati
D. Mencari punca dia lewat

10. Pelbagai <u>program</u> di sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah diiklankan di media sosial untuk memenuhi masa murid ketika belajar dari rumah.

Pilih **perkataan sinonim** *bagi* <u>program.</u>

A. kem
B. kursus
C. aktiviti
D. seminar

Soalan 16 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Catur ialah sejenis permainan yang berbentuk pertempuran antara dua buah kerajaan. Permainan ini dimainkan menggunakan buah catur.

Setiap pemain mempunyai enam belas buah catur yang berbeza-beza darjatnya dalam sesebuah kerajaan. Ada raja, permaisuri, menteri, askar dan sebagainya.

Buah-buah catur ini digerakkan oleh pemain catur di atas papan. Setiap corak pergerakan berbeza mengikut darjat. Papan catur mempunyai 64 petak seperti permainan dam.

Permainan ini diperkenalkan dari India ke Nusantara pada kira-kira 1 400 tahun yang lalu. Pada masa itu, permainan ini dikenali sebagai *caturangga* yang bermaksud empat pasukan.

Pemain catur dalam masyarakat Melayu kuno amat disegani. Permainan ini mencerminkan darjat atau kedudukan pemain dalam masyarakat pada masa itu.

16. Apakah yang dimaksudkan dengan permainan catur?

A. Permainan bangsawan
B. Permainan orang India
C. Permainan yang berdarjat
D. Permainan berbentuk pertempuran

17. Permainan catur sama dengan permainan dam dari segi

A. darjat dan kedudukan.
B. bilangan buah catur.
C. jumlah petak papan catur.
D. sejenis permainan tradisional.

18. Bilakah permainan catur diperkenalkan ke Nusantara?

A. 14 tahun yang lalu
B. 140 tahun yang lalu
C. 144 tahun yang lalu
D. 1 400 tahun yang lalu

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN B
[30 *markah*]

Soalan 21

(a) Pilih perkataan paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.

pasangkan	hubungi	carian	layari
letakkan	laporkan	jauhi	maklumkan

Setiap orang perlu menjaga keselamatan diri di rumah. Kita mesti (i)_____ penyelak pintu jika berada di dalam rumah untuk memastikan tempat tinggal kita selamat. Sebelum hendak meninggalkan rumah dalam tempoh yang lama, kita perlu (ii)_____ kepada jiran supaya mereka boleh memerhatikan rumah kita. Pastikan suis elektrik telah ditutup sebelum keluar dari rumah. Kita juga boleh (iii)_____ laman Malaysia. Selain itu, (iv)_____ perbuatan membenarkan orang yang tidak dikenali masuk ke dalam rumah.

[4 markah]

(b) Nyatakan **betul** *atau* **salah** *bagi ayat-ayat di bawah.*

Contoh:
Rizal diumumkan sebagai pemenang tempat pertama dalam acara berbasikal baru-baru ini. **betul**

i. Ibu akan menyediakan sarapan untuk kami sebelum ke sekolah setiap hari. ☐

ii. Aida dan rakan-rakannya ditugaskan sebagai penyambut tetamu di dewan itu nanti. ☐

iii. Menyembahkan tarian pelbagai kaum telah menyerikan majlis makan malam itu. ☐

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 22

(a) *Tandakan (√) bagi* **penjodoh bilangan** *yang paling sesuai.*

i.



ulas	
utas	
urat	

ii.



biji	
bentuk	
buah	

[2 markah]

(b) *Nyatakan* **peribahasa** *yang sesuai berdasarkan gambar dan pernyataan di bawah.*



Puan Suraya sangat sayang akan anak lelaki tunggalnya, dia menjaga anaknya itu bagai _____


_____

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 24

Fahami carta salasilah keluarga di bawah ini dan jawab soalan yang diberikan.



(a) Nama penuh ibu Arumi ialah

_____

[1 markah]

(b) Berapakah kebarangkalian usia Encik Azman ketika berkahwin dengan Puan Fatimah?

_____

_____

[2 markah]

(c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan salasilah keluarga?

_____

_____

_____

[3 markah]

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

1. C
2. A
3. B
4. D
5. C
6. D
7. B
8. A
9. C
10. C
11. D
12. A
13. D
14. A
15. B
16. D
17. C
18. D
19. A
20. B

BAHAGIAN B

Soalan 21

(a) i. pasangkan
ii. maklumkan
iii. layari
iv. jauhi

(b) i. betul
ii. betul
iii. salah

Soalan 22

(a) i. utas
ii. biji

(b) menatang minyak yang penuh.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 4

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 4 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar